

Misi 2057 tumpu pembangunan spiritual, perpaduan kaum

B. H. m/s 11
20.3.07

RAKYAT perlu bersyukur kerana negara dianugerahkan pemimpin peringkat tertinggi berfikiran strategik sejak dulu lagi. Dengan pelan pembangunan jangka panjang dan berpandangan jauh, kini kita boleh lihat, Malaysia berdiri sama gah dengan negara maju lain malah, mengepalai negara sedang membangun dari pelbagai aspek.

Dengan rancangan seperti Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Pertama sehinggalah terkini (kesembilan), Pembangunan Wilayah Iskandar (PWI), Wawasan 2020, Islam Hadhari dan kini kita dihidangkan dengan pelan strategik Misi 2057 yang akan menjadi penanda aras selepas negara ini menjadi negara maju pada 2020 nanti.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meletakkan satu matlamat bahawa Malaysia perlu menjadi negara maju menjelang 2020 dan kemudian diperkuatkan lagi dengan usaha Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerusi Misi 2057 (genap 100 tahun merdeka).

Perkara paling unik ialah negara akan dapat melihat sendiri perjalanan kerajaan dan rakyat sepanjang 100 tahun kemerdekaan. Adakah kita masih lagi dijajah dari segi minda pada masa itu, adakah pemikiran kita akan mula menjajah minda masyarakat dunia dan mungkin dunia pada masa itu mempunyai pandangan dan hala tuju sama dan bebas daripada persengketaan.

Sungguh seronok untuk kita mengagak perkara yang akan berlaku 50 tahun akan datang. Ia laksana menonton sebuah filem fiksiyen yang penonton tidak akan berganjak untuk melihat apa yang disajikan pada penghujung filem itu.

Sekali lagi, Perdana Menteri menekankan pembangunan modal insan sebagai inti pati kepada misi itu. Ramai mendapati bahawa penekanan itu adalah satu misi yang mudah kerana kita mempunyai setengah abad lagi untuk meraih hasilnya.

Perlu kita ingat kerana kematangan modal insan akan memakan masa lama dan kemungkinan besar kita akan menggunakan keseluruhan masa yang kita ada. Sejak dulu lagi memang mengimpikan kejayaan dan pembangunan yang kita rancang. Sebagai contoh, kita merancang Wawasan 2020 dan kini, hanya tinggal 13 tahun lagi untuk kita membuktikan bahawa omongan kita sebelum ini bukanlah hanya impian kosong.

Indah sekali kerana dalam meniti pembangunan bersifat lahiriah, Perdana Menteri memikirkan mengenai pembangunan rohani dan jiwa kerana masyarakat yang produktif dan 'sihat', mempunyai rohani dan jiwa yang mantap serta tidak mudah dijajah dan goyah.

Tidak ramai pemimpin dunia bersependapat dengan beliau kerana rata-rata, pemimpin di dunia lebih mengejar pembangunan fizikal dan infrastruktur tanpa memikirkan pembangunan spiritual dan jiwa masyarakat.

Akhirnya, berlakulah permasalahan sosial yang kronik dan tegar. Pada masa itu, masing-masing akan menyalahkan sesama sendiri kerana terlalu alpa mengejar pembangunan fizikal.

Pada ketika ini, negara bukan saja mengimport barang mentah dan barang keperluan pengguna, malah negara juga mengimport tenaga kerja profesional untuk bersama-sama menikmati pembangunan negara.

Namun, pada 2057 nanti, negara kita akan mula mengimport tenaga modal insan ke seluruh pelosok dunia dan pada ketika itu dunia lebih bersifat tanpa sempadan dan modal insan adalah bertaraf dunia dan bukan lagi jaguh kampung.

Misi ini adalah kesinambungan daripada pemimpin tertinggi negara dan adalah diharapkan agar akan datang, negara kita akan terus dikurniakan dengan pemimpin yang berkaliber dan terus berkhidmat untuk negara, bangsa dan agama.

Peranan pemimpin pada peringkat merencana dan melaksanakan Misi 2057 ini, tidak boleh dipandang remeh kerana ia membabitkan usaha perpaduan kaum yang sudah lama kita mulakan. Kita perlu berbangga kerana negara, melalui pemimpin, sudah berjaya menyatupadukan kaum dan etnik yang unik dan berwarna-warni.

Tidak banyak negara di dunia mampu menyatupadukan rakyatnya di bawah satu panji pemerintahan yang stabil. Untuk pemimpin yang akan datang, diharapkan anda tidak mengkhianati amanah agama, bangsa dan negara. Ingatlah, kita ingin maju dalam acuan kita sendiri tanpa mengikut acuan mahupun kehendak dari negara kuasa besar.